
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

HTV 201 - Teknik Berfikir

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Arahan:

1. Tulis nama tutor dan pusat pengajian anda di sudut atas bahagian kanan kulit buku jawapan anda.
2. Kertas ini mengandungi tiga bahagian. Jawab SATU soalan dari **Bahagian A**, SATU dari **Bahagian B** dan SATU dari **Bahagian C**. Sumbangan markah tiap-tiap soalan di **Bahagian A, B** dan **C** ialah 40 markah, 40 markah dan 20 markah masing-masing.
3. Setiap jawapan tidak boleh melebihi 3 halaman.

...2/-

Bahagian A

1. Serangan pengganas semakin menjadi-jadi di serata dunia dan mengancam keamanan sejagat.

[a] Dengan menggunakan teknik Enam Topi Berfikir, bincangkan langkah-langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk memastikan serangan ini tidak akan terjadi di negara ini.

[b] Simpulkan perbincangan anda dengan menggunakan peta minda.

[40 markah]

2. Pihak Proton baru-baru ini telah mendakwa bahawa pembanjiran kereta import ke negara ini telah mengakibatkan pasaran kereta nasional itu merosot.

Dengan menggunakan kaedah Segitiga Konsep, janakan idea-idea kreatif untuk membendung keadaan ini dan bincangkan cadangan-cadangan anda dengan mengaplikasikan gaya berfikir analitikal, kritikal dan projekatif.

[40 markah]

Bahagian B

3. Dengan menggunakan pemikiran Kreatif Secara Analisis dan Desain, rancang program untuk memupuk minat terhadap Sains dan Teknologi dalam minda kalangan pelajar sekolah.

[40 markah]

4. Harga pasaran minyak dunia yang terus meningkat sehingga mencecah harga yang paling tinggi setakat ini telah membuat kerajaan menaikkan harga petrol dan disel sebanyak dua kali dalam masa dua bulan bagi tujuan meringankan beban subsidi harga minyak. Hal ini telah menimbulkan kebimbangan pihak Persatuan Pengguna dan masyarakat tentang kesan kenaikan ini terhadap harga barangan dan kadar inflasi negara.

[a] Dengan menggunakan alat-alat berfikir yang relevan bincangkan perkara itu.

[b] Dengan menggunakan gaya berfikir hipotetikal dan konstruktif, bincangkan bagaimana situasi ini dapat diatasi.

[40 markah]

...3/-

5. Pendapatan pengusaha buah-buahan tempatan boleh dipertingkatkan jika permintaan dan jualan buah-buahan tempatan meningkat.
- [a] Dengan menggunakan provokasi “makan buah-buahan tempatan boleh jadi kaya”, jana 10 idea kreatif untuk merealisasikan.
- [b] Pilih tiga idea utama dengan menggunakan FIP dan nilaikan idea-idea yang telah dipilih dengan menggunakan C&S.

[40 markah]

6. Kejayaan Jepun memasuki pasaran produk animasi global bukan berteraskan teknologi semata-mata tetapi juga berikutan pemaparan nilai-nilai estetika yang membabitkan lanskap sosial Jepun. Hal ini membuktikan bahawa persepsi mengenai nilai-nilai tempatan tidak ada nilai global adalah tidak tepat.

Dengan menggunakan pemikiran lateral, hasilkan satu rumusan tentang cara-cara Malaysia boleh melakukan perkara yang sama.

[40 markah]

Bahagian C

7. Terangkan konsep penggunaan Enam Topi Berfikir. [20 markah]
8. Huraikan maksud hipotesis, teori, data dan maklumat yang sering digunakan dalam pemikiran saintifik. [20 markah]